



JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU *Malay Language Education Journal*

Sikap dan Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pelajar Bajau Ubian Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian

(*Attitudes and Factors Affecting the Motivation of Bajau Ubian Students Towards Online Learning Malay Language*)

Steven Fennandes Aping¹, Muhamad Amir Asyraf Abdul Rahim² & Muhammad Norhazim Izman³

^{1,2,3} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Koresponden: **Steven Fennandes Aping**, p115973@siswa.ukm.edu.my

ISSN: 2180-4842

Terbitan: Disember, 2022

Volume: 12

Bilangan: 02

Halaman: 102-117

Dihantar pada:

20 November 2021

Diterima pada:

30 Julai 2022

Abstrak: Pandemik COVID-19 yang melanda negara telah memberi impak kepada beberapa sektor, terutamanya terhadap sektor pendidikan. Pembelajaran secara fizikal terpaksa ditukar kepada pembelajaran secara dalam talian bagi menjamin keselamatan warga pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka sikap pelajar Bajau Ubian terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian. Kajian ini turut meninjau faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Bajau Ubian terhadap pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif. Seramai tiga orang pelajar Bajau Ubian dipilih sebagai peserta kajian dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Data dikumpulkan melalui kaedah temu bual melalui *Google Meet* sebagai instrumen kajian. Dapatkan kajian mendapati kesediaan pelajar, minat pelajar dan disiplin pelajar merupakan sikap pelajar Bajau Ubian terhadap pembelajaran Bahasa Melayu yang merupakan bahasa kedua pelajar Bajau Ubian. Dari aspek motivasi pelajar pula, terdapat tiga faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar, iaitu sikap guru yang kurang bersemangat dan kurang bermotivasi, persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif, dan subjek Bahasa Melayu sebagai wajib lulus. Implikasi kajian ini ialah guru-guru Bahasa Melayu perlu kreatif dalam menarik minat pelajar Bajau Ubian untuk berminat dan bermotivasi belajar Bahasa Melayu walaupun belajar secara dalam talian.

Kata Kunci: Sikap, motivasi, pembelajaran dalam talian, bahasa kedua

Abstract: The COVID-19 pandemic that hit the country has impacted several sectors, especially the education sector. Physical learning had to be converted to online learning to ensure the safety of educators. This study aims to explore the attitudes and motivation of Bajau Ubian students towards online learning Malay language. This study also examines the factors that influence the motivation of Bajau Ubian students towards online learning Malay language. This study uses a qualitative design. A total of three Bajau Ubian students were selected as study participants using purposive sampling method. Data were collected through interview method through Google Meet as a research instrument. The findings of the study found that students' readiness, student interest and student discipline are the attitudes of Bajau Ubian students towards learning Malay which is the second language of Bajau Ubian students. From the aspect of student motivation, there are three factors that influence student motivation, namely the attitude of teachers who are less enthusiastic and less motivated, the learning environment is not conducive, and Malay language subjects as compulsory to pass. The implication of this study is that Malay language teachers need to be creative in attracting Bajau Ubian students to be interested and motivated to learn Malay language even when online learning.

Keywords: Attitude, motivation, online learning, second language

PENGENALAN

Pandemik COVID-19 ini merupakan ancaman terbesar bukan sahaja kepada kesihatan manusia, tetapi juga memberi kesan kepada sosioekonomi termasuklah bidang pendidikan di seluruh dunia (Lekhraj & Liew 2020). Kes pertama COVID-19 telah dikesan di Malaysia pada akhir Januari 2020, melibatkan seorang pelancong dari China di Johor (Sipalan 2020). Angka kes wabak ini meningkat dengan mendadak pada bulan-bulan berikutnya. Kerajaan Malaysia di telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memutuskan rantaian penyebaran COVID-19 pada 18 Mac 2020 (Tashny 2020).

Pandemik COVID-19 ini telah mempengaruhi sistem pendidikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah seluruh dunia, termasuk di Malaysia (Ahmad Faris et al. 2021). Para pelajar dan warga pendidik tidak dibenarkan untuk melaksanakan aktiviti PdP di institusi pendidikan secara bersemuka ketika PKP. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM 2020) telah mula memperkenalkan konsep pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) pada tahun 2020 bagi meneruskan aktiviti PdP seperti biasa walaupun ia dijalankan secara dalam talian. Pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan perlu melalui dan membiasakan diri dengan keadaan norma baharu dalam aspek strategi PdP khususnya PdPR dalam talian mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak KPM (Nur Hanisah dan Mohd Isa 2021).

PdPR merujuk kepada proses PdP yang dijalankan di tempat yang bersesuaian seperti rumah atau pusat komuniti akibat pelajar tidak dapat hadir ke sekolah dalam satu tempoh masa yang tertentu kerana bencana, wabak atau sebab lain yang mendapat kelulusan pendaftar negeri (KPM 2020). PdPR juga boleh dilaksanakan secara dalam talian, luar talian atau *off-site* dengan berstruktur dan terancang. Inisiatif pendidikan ini amat memerlukan kerjasama daripada semua pihak bagi memastikan pelajar tidak kecinciran dalam pendidikan.

Pandemik COVID-19 sebenarnya telah mempercepatkan penerimaan masyarakat negara ini terhadap pembelajaran secara maya yang sebelum ini dijangka mengambil masa yang lebih lama (Shanika 2020). Pandemik ini telah membuka mata pelbagai pihak tentang kepentingan penggunaan teknologi dan pertimbangan sekiranya penularan COVID-19 ini berpanjangan yang menyebabkan pembelajaran secara maya terpaksa dilakukan sepenuhnya. Kini, semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan seperti guru, pelajar dan ibu bapa sudah boleh menerima pembelajaran secara maya sebagai pendekatan yang terbaik bagi menjamin keselamatan serta mengelakkan pelajar kecinciran dalam pelajaran sepanjang penutupan sekolah dan PKP dikuatkuasakan.

Proses PdP secara dalam talian ini telah memberi cabaran kepada para pendidik kerana perlu

menyesuaikan keadaan dengan norma kehidupan baharu (Azmil Abidah et al. 2020). Guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran secara dalam talian bagi mengekalkan keberkesanan proses PdPR. Terdapat banyak pelantar pembelajaran dalam talian yang boleh dimanfaatkan oleh guru seperti *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa), Cikgo Tube, EduWebTV dan aplikasi media sosial seperti *Google Meet* atau *Microsoft Teams* secara lintas langsung (*live streaming*), e-permainan (*gamification*), video, klip audio, e-Buku, rakaman atau tugas dalam talian (KPM 2020).

KAUM BAJAU UBIAN

Suku kaum Bajau Ubian merupakan salah satu sub kaum daripada masyarakat Bajau Laut (Zaimie 2016). Suku kaum ini kebanyakannya tinggal di pesisir pantai Sabah, seperti di Pulau Banggi, Kudat dan Pulau Gaya di Kota Kinabalu. Kebanyakan orang Bajau Ubian pada awalnya mendiami kawasan kepulauan sebelum mereka berpindah ke pinggir pantai di daratan (Saidatul Nornis 2018).

PENYATAAN MASALAH

Penularan pandemik COVID-19 telah mencipta sebuah kehidupan norma baharu yang menyebabkan segala urusan kerja terpaksa dilakukan secara dalam talian, khususnya bidang pendidikan. PdPR dilaksanakan apabila pelajar tidak dapat hadir ke sekolah dalam satu tempoh yang tertentu atas sebab bencana atau wabak atau sebab-sebab lain dengan kelulusan pendaftar negeri (Norapiah dan Nor Syahilia, 2021). Konsep PdP secara dalam talian diperkenalkan bagi menjamin keselamatan semua pihak serta tidak mengabaikan pelajaran pelajar. Oleh itu, demi mencegah penularan pandemik COVID-19, para guru, pelajar dan guru terpaksa beradaptasi dengan sistem pendidikan dalam talian sebagai norma baharu melalui penggunaan teknologi. Menurut Suzlina Hilwani dan Jamaludin (2015), teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) berfungsi sebagai nadi penggerak dalam mewujudkan perubahan positif yang boleh mempelbagaikan kaedah PdP oleh guru.

Sikap pelajar yang negatif wujud kerana mereka masih tidak mampu untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu di mana mereka lebih mengutamakan PdP secara bersemuka (Muhamad Hafis 2020). Penglibatan pelajar akan berkurangan dan menyebabkan proses PdP menjadi kurang berkesan. Peratus kehadiran pelajar ketika PdP dalam talian menurun kerana salah satu faktornya ialah PdP yang tidak menarik dan bosan. Oleh yang demikian, para guru perlu mengambil inisiatif untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi menarik minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Teknologi kini telah pun menyediakan pelbagai platform aplikasi untuk mempelbagaikan bahan bantu mengajar, kaedah PdP

dan sebagainya (Irma et al. 2021). Walau bagaimanapun, terdapat guru-guru yang tidak mahir dalam menggunakan aplikasi TMK. Dapatkan kajian Losius et al. (2020) menunjukkan terdapat 29 peratus guru masih kurang mahir dalam melaksanakan PdP secara dalam talian. Seseorang guru perlu mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam penggunaan teknologi bagi memastikan PdP secara dalam talian berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah (Nur Hazirah dan Masayu 2020). Secara tidak langsung, pelajar menjadi tertarik dan lebih bersemangat untuk belajar. Guru seharusnya melengkapkan diri dan meningkatkan kemahiran pembelajaran selari dengan kemajuan dan perkembangan teknologi agar pembelajaran yang berkesan dapat dilaksanakan (Nor Amalina dan Zanaton 2018).

Menurut Nor Musfirah (2021), pelajar-pelajar menjelaskan bahawa mereka mengalami kesukaran ketika PdP dalam talian dijalankan. Hal ini kerana masalah jaringan yang tidak memuaskan pada kawasan khususnya di kampung dan pedalaman atau sesetengah perumahan menyebabkan banyak pelajar tidak dapat mengikuti sesi pembelajaran yang telah dijadualkan. Masalah ini turut timbul dalam daptan kajian Mahathir dan Wardatul (2021), iaitu capaian kepada kemudahan Internet yang terhad. Pelajar terpaksa ke kawasan bandar semata-mata ingin mendapatkan talian Internet yang baik walaupun risau akan kes wabak COVID-19 yang semakin meningkat. Talian Internet pelajar juga bergantung kepada keadaan cuaca, jika cuaca dalam keadaan baik maka internet akan laju begitulah jika sebaliknya. Menurut Zamri dan Anita (2020), motivasi seseorang pelajar itu untuk meneruskan pembelajaran dalam talian akan berkurangan kerana kurangnya mendapat sokongan dan motivasi daripada ibu bapa. Hal ini demikian kerana ibu bapa hanya memberi keutamaan kepada pekerjaan dan pendapatan sepanjang tempoh PKP, dan mengabaikan pendidikan anak-anak. Ibu bapa seharusnya memainkan peranan yang sangat penting dalam proses tumbesaran anak-anak, khususnya dalam bidang pendidikan. Keperluan asas perlu disediakan oleh ibu bapa untuk anak mereka sepanjang PdP secara dalam talian dijalankan. Dapatkan kajian oleh Tamilmallai dan Salini (2021) turut dapat mengenal pasti kesibukan ibu bapa dalam pekerjaan menyebabkan pendidikan anak-anak terabai. Keterlibatan pelajar dalam kelas secara dalam talian agak rendah disebabkan motivasi mereka berada pada tahap yang rendah.

Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh guru-guru ketika PdP secara dalam talian adalah kesukaran untuk mewujudkan komunikasi dua hala bersama pelajar (Siti Nurbazura dan Nurfaradilla 2020). Hal ini demikian kerana guru tidak mengetahui keadaan pelajar-pelajarnya ketika pembelajaran secara dalam talian. Kemungkinan tinggi pelajar mempunyai masalah capaian Internet atau kerosakan bahagian peranti secara tiba-tiba, maka tiada tindak balas yang dapat dihasilkan oleh pelajar. Dapatkan ini turut disokong dengan kajian

yang dijalankan oleh Rodalyn dan Elmar (2021). Menurut mereka, guru sukar untuk mewujudkan komunikasi dua hala bersama pelajar adalah disebabkan kebiasaan pelajar dan guru menjalani pembelajaran secara bersemuka.

Permasalahan yang seterusnya ialah mengenai kajian tentang sikap kaum Bajau Ubian. Sukar untuk mendapatkan maklumat mengenai kaum Bajau Ubian ini disebabkan kurangnya catatan dan pengetahuan yang dilakukan sebelum ini. Kajian yang dilakukan oleh Ismail pada tahun 2011 yang menyentuh mengenai sikap dan tingkah laku kaum Bajau Ubian. Hasil kajian mendapati sikap dan tingkah laku kaum ini ialah mereka sentiasa mengelak untuk bertembung dengan orang luar. Hal ini demikian kerana mereka lebih suka hidup dalam kelompok mereka sahaja. Walau bagaimanapun, kajian ini masih belum mampu menggambarkan mengenai sikap mereka terhadap pendidikan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi pelajar kaum Bajau Ubian dalam mempelajari subjek Bahasa Melayu dalam talian. Bahasa Melayu ialah bahasa kedua (B2) bagi pelajar Bajau Ubian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan dua objektif berikut:

1. Mengenal pasti sikap pelajar Bajau Ubian terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian.
2. Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Bajau Ubian terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Kewujudan pandemik COVID-19 telah mengubah sepenuhnya corak pengajaran semua guru termasuklah guru-guru Bahasa Melayu secara bersemuka kepada pengajaran dalam talian. Banyak sektor yang telah terjejas berikutan penguatkuasaan PKP termasuklah sektor pendidikan. Sektor pendidikan yang terjejas merangkumi kesemua peringkat iaitu bermula daripada peringkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej serta semua universiti atau institusi yang berkaitan dengan pendidikan. Ini secara tidak langsung telah menjadi satu cabaran khususnya kepada warga pendidik bagi mengekalkan minat dan motivasi setiap pelajar dalam pembelajaran. KPM telah mengambil pelbagai inisiatif dalam menyediakan pelbagai platform kepada guru dan pelajar supaya pembelajaran secara dalam talian dapat dijalankan dengan baik. Menurut Muhammad Izzat et al. (2020), terdapat pelbagai platform yang boleh digunakan oleh guru dan pelajar dalam aktiviti pembelajaran seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, *Zoom* dan lain-lain sepanjang tempoh PKP ini. Oleh hal yang demikian, pelaksanaan PdP secara dalam talian ini telah memaksa guru-guru supaya

bersedia dalam mengumpul pelbagai kemahiran berkaitan teknologi bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta melengkapkan diri dalam pengajaran dalam talian, di samping dapat mengekalkan motivasi dan sikap positif pelajar khususnya dalam mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu.

Dalam berhadapan dengan norma baharu ini, guru dan pelajar sewajarnya melengkapkan diri dengan TMK agar sesi pembelajaran dalam talian akan berjalan dengan lebih lancar. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam kajian Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020) yang mendapati guru-guru kurang pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan PdP dalam talian serta tidak mahir dalam penggunaan platform pendidikan dalam talian. Dapatkan yang sama turut diperoleh oleh Ain Nur Atika (2022) yang menunjukkan terdapat segelintir guru Bahasa Melayu yang belum menguasai kemahiran TMK. Pengetahuan dan kemahiran dalam talian ini sangat membantu bagi kelancaran proses PdPR seperti kemahiran dalam penggunaan pelbagai platform yang telah diperkenalkan oleh KPM untuk sesi pembelajaran dalam talian.

Kaviza (2020) membuktikan guru lelaki dan guru perempuan hanya mencapai tahap yang memuaskan sahaja dalam aspek kemahiran penggunaan platform *Google Classroom*. Walau bagaimanapun, kajian oleh Zakaria et al. (2020) yang menunjukkan kesediaan guru dalam mengaplikasikan platform *Google Meet* sebagai medium PdP secara dalam talian berada pada tahap yang tinggi kerana hasil dapatan menunjukkan responden bersetuju penggunaan medium ini adalah bersifat mesra pengguna. Dapatkan ini turut disokong oleh kajian Ugartini (2021) yang membuktikan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap penggunaan medium Google Meet pada PdP dalam talian adalah tinggi. Hal ini kerana, penggunaan *Google Meet* membuatkan guru Bahasa Melayu ini selesa dalam menggunakan TMK sepanjang pelaksanaan PdP dalam talian. Di samping itu, tahap pengetahuan guru juga dapat ditingkatkan dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran PdP.

Bagi menjayakan sesi PdP dalam talian ini, penglibatan pelajar juga sangat memainkan peranan yang penting selain kaedah yang diaplikasikan oleh guru. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut Muniroh et al. (2020), kesediaan dan penglibatan pelajar sangat mempengaruhi sesi PdP dalam talian kerana tanpa penglibatan pelajar yang baik, sesi PdP tidak akan mencapai objektif yang diharapkan walaupun guru telah mempelbagaikan kaedah dan bahan-bahan PdP yang terkini. Perkara ini terjadi apabila sikap pelajar itu sendiri dan motivasi yang rendah menyebabkan mereka berasa endah tak endah terhadap pembelajaran mereka lebih-lebih lagi tanpa pengawalan yang khusus oleh guru. Hal ini telah dibuktikan oleh Abdul Aziz dan Aida (2020) yang mana terdapat hubungan yang signifikan terhadap kesediaan pelajar dengan motivasi pelajar terhadap pembelajaran

secara dalam talian. Kajian oleh Abdul Hakim et al. (2015) mendapati sikap positif terhadap seseorang pelajar saling berkaitan rapat serta mempengaruhi tahap motivasi pembelajaran. Sikap pelajar yang positif akan mewujudkan suasana pembelajaran dalam talian menjadi lebih menarik dan secara tidak langsung objektif pembelajaran dapat disampaikan oleh guru.

Terdapat banyak kajian lepas yang telah menyentuh mengenai aspek sikap dan motivasi. Hal ini dikatakan demikian kerana, kedua-dua aspek ini saling mempengaruhi dalam mewujudkan keberkesanannya khususnya pembelajaran dalam talian. Sebagai contoh, kajian oleh Chew dan Zahwah (2022) telah melihat kepada sikap dan motivasi pelajar kesan pembelajaran dalam talian bagi tajuk KOMSAS Bahasa Melayu. Dapat menunjukkan tahap sikap dan motivasi pelajar sangat mempengaruhi keazaman pelajar itu sendiri untuk mempelajari KOMSAS dengan baik. Dapatkan ini disokong dengan kenyataan Zamri et al. (2019) dan Zamri (2019) yang menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi dapat mengekalkan minat terhadap pembelajaran berbanding dengan pelajar yang kurang bermotivasi kerana mempunyai suatu dorongan yang kuat.

Ainun Rahmah et al. (2017) mengkaji faktor sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah terhadap pembelajaran abad ke-21. Hasil dapatan menunjukkan pengaruh pembelajaran abad ke-21 banyak memberikan kesan yang positif pada ketiga-tiga aspek ini khususnya dalam mempelajari Bahasa Melayu. Dapatkan menujukkan responden merasakan ilmu Bahasa Melayu itu berguna kepada mereka, di samping dapat membantu memartabatkan Bahasa Melayu di tahap yang lebih tinggi. Kajian oleh Irma et al. (2021) turut melihat kepada sikap dan motivasi murid sekolah rendah dalam mempelajari Bahasa Melayu secara dalam talian. Dapatkan juga turut memperoleh sikap dan motivasi yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu semasa PKP. Hal ini dikatakan demikian kerana, walaupun murid menghadapi pelbagai kekangan sepanjang pembelajaran dalam talian, tetapi mereka masih seronok dan tidak bosan untuk terus mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu secara alam maya.

Seterusnya, terdapat juga kajian lepas yang melihat kepada motivasi dan sikap pelajar dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian Mohd Uzir et al. (2018) telah mendedahkan pelajar tingkatan satu di sebuah sekolah menengah persendirian Cina mempunyai sikap yang positif berbanding dengan motivasi. Sikap yang positif disebabkan mempunyai keinginan yang tinggi untuk menerima dan mempelajari Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, motivasi pelajar ini agak kurang kerana kurang berminat untuk membaca cerita dan novel Bahasa Melayu. Kajian oleh Jerie dan Zamri (2011) membuktikan pelajar Iban sekolah rendah mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi dalam

mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (B2) mereka. Dalam pada itu, pelajar Bajau juga turut menujukkan sikap yang positif dan motivasi yang tinggi dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai B2. Hal ini dikatakan demikian kerana, pelajar Bajau ini telah meletakkan minat yang mendalam terhadap proses pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian oleh Nancy dan Zamri (2017) turut menyumbang kepada sikap dan motivasi yang tinggi oleh murid Melanau dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai B2. Antara faktor utama pelajar Melanau bersikap positif kerana mereka selalu berasa seronok belajar Bahasa Melayu.

Sebagai kesimpulan, pandemik yang melanda di negara kita telah banyak mendatangkan impak dalam kebanyakan sektor termasuklah kepada sistem pendidikan negara. Walau bagaimanapun, ini tidak menjadi halangan kepada guru dan pelajar supaya mewujudkan pembelajaran yang kondusif dan lebih menarik khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Menurut Ida Faridah et al. (2020), pembelajaran secara dalam talian yang menggunakan teknologi digital juga dilihat memberi kesan yang positif terhadap motivasi pelajar sepanjang pandemik yang melanda di negara kita. Oleh hal yang demikian, ini menjadi tugas guru dan pelajar dalam mewujudkan sesi PdP Bahasa Melayu supaya menjadi lebih positif dan menyeronokkan.

METODOLOGI

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti sikap pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu secara dalam talian serta mengenal pasti faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu secara dalam talian.

Reka Bentuk Kajian

Pendekatan kualitatif telah digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang tidak melibatkan data statistik. Hal ini bermaksud, penggunaan kaedah kualitatif tidak memerlukan data yang melibatkan nombor atau pengiraan. Menurut Creswell (2005), kaedah kualitatif bermaksud sebarang jenis penyelidikan yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau lain-lain jenis pengiraan. Sesuai dengan kajian ini, analisis data tidak memerlukan pengiraan, sebaliknya hanya bergantung kepada pandangan peserta kajian dengan mengajukan soalan yang umum dan mengumpul data dalam bentuk perkataan yang diperoleh daripada peserta kajian (PK).

Pemilihan Peserta Kajian

Dalam kajian ini, peserta kajian (PK) dipilih berdasarkan pemilihan pensampelan bertujuan. Chua (2014) mengatakan sampel bertujuan merupakan

prosedur pensampelan yang mana sekumpulan subjek mempunyai ciri-ciri tertentu untuk dipilih sebagai responden. Menurut Aizan Sofia et al. (2020), kajian kualitatif tidak mementingkan jumlah atau bilangan sampel, namun lebih mementingkan kekayaan pengalaman yang dikongsikan oleh informan kajian. Oleh hal yang demikian, kajian ini hanya memperuntukkan tiga orang PK. Ketiga-tiga PK dilabelkan sebagai PK1, PK2 dan PK3. Ketiga-tiga responden ini mempunyai ciri-ciri yang homogen. Oleh itu, pengkaji telah menetapkan empat ciri pemilihan responden, iaitu:

1. Pelajar yang menetap di kawasan Pulau Gaya.
2. Pelajar sekolah menengah yang belajar di sebuah sekolah menengah di Pulau Gaya, Kota Kinabalu.
3. Pelajar yang mengikuti PdP dalam talian sepanjang tempoh PKP.
4. Pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2021.

Kaedah Pengumpulan Data dan Instrumen Kajian

Instrumen kajian diperlukan semasa menjalankan kajian untuk menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, kaedah temu bual digunakan sebagai instrumen kajian. Kaedah temu bual merupakan instrumen tunggal yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah temu bual ini dipilih adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada PK secara langsung dan maklumat yang diperoleh tersebut adalah dalam bentuk lisan. Menurut Sabitha (2005), temu bual adalah interaksi yang aktif antara dua orang atau lebih untuk mengarahkan perbincangan berdasarkan hasil berdasarkan konteks kajian. Noraini (2010) telah menggunakan istilah ‘temu bual kualitatif’ yang menggambarkan temu bual yang dilakukan biasanya adalah bersifat mendalam (*indepth interview*) secara separa-struktur atau tidak berstruktur. Oleh hal yang demikian, kaedah temu bual separa-struktur digunakan. Temu bual dijalankan dengan menggunakan aplikasi *Google Meet* sebagai pelantar temu bual bersama PK.

Temu bual ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengenal pasti sikap pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu sebagai B2 dan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu secara dalam talian. Penyediaan soalan-soalan dilakukan terlebih dahulu sebelum sesi temu bual dilaksanakan. Soalan-soalan temu bual tersebut merangkumi dua bahagian yakni bahagian demografi serta bahagian yang berkaitan dengan sikap dan faktor yang mempengaruhi pembelajaran pelajar Bajau Ubian.

Analisis Data

Analisis data dilakukan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Berdasarkan maklumat-

maklumat yang diperoleh daripada melalui temu bual, pentranskripsi dilakukan bagi memindahkan maklumat-maklumat PK tersebut daripada bentuk lisan kepada bentuk bertaip. Transkripsi temu bual dilakukan dengan cara mendengar semula temu bual yang telah dirakam melelui aplikasi *Google Meet* sebagai pelantar temu bual bersama PK. Maklumat tersebut kemudiannya dipindahkan dalam bentuk bertaip dengan menggunakan perisian Microsoft Word. Setelah maklumat-maklumat tersebut dipindahkan dalam bentuk bertaip, data akan dikategorikan mengikut beberapa bahagian yakni demografi peserta kajian, sikap pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu sebagai B2 dan faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Bajau Ubian Bahasa Melayu secara dalam talian sebagai B2.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meneroka sikap dan motivasi pelajar Bajau Ubian terhadap pembelajaran subjek Bahasa Melayu secara dalam talian. Sebagai bahasa kedua (B2), bagaimanakah sikap dan motivasi serta faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Bajau Ubian ketika belajar Bahasa Melayu secara dalam talian.

Demografi Peserta Kajian

Berdasarkan Jadual 1, peserta kajian terdiri daripada tiga orang pelajar Bajau Ubian yang sedang belajar di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Kota Kinabalu, Sabah yang mana jantina ketiga-tiga peserta kajian ialah pelajar lelaki. Setiap peserta kajian dilabel dengan kod yang mewakili diri mereka sediri sebagai peserta kajian (PK). Kod yang dilabelkan untuk peserta adalah terdiri daripada pelajar 1 (PK1), pelajar 2 (PK2) dan pelajar 3 (PK3). PK1, PK2 dan PK3 berumur 18 tahun dan merupakan pelajar yang berbangsa Bajau Ubian. PK1, PK2 dan PK3 merupakan pelajar tingkatan 5 yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2021 merupakan pelajar yang datang dari keluarga berpendapatan rendah (Bottom 40-B40).

JADUAL 1: Profil peserta kajian

Kategori	Kod Peserta Kajian (PK)		
	PK1	PK2	PK3
Jantina	Lelaki	Lelaki	Lelaki
Umur	18 tahun	18 tahun	18 tahun
Bangsa	Bajau	Bajau Ubian	Bajau Ubian
Tingkatan	Tingkatan 5	Tingkatan 5	Tingkatan 5
Pendapatan	B40	B40	B40
Keluarga			

Sikap Pelajar Bajau Ubian terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Bahasa Melayu Secara Dalam Talian

Hasil kajian mendapati bahawa sikap pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu secara dalam talian dapat dipecahkan kepada tiga tema, iaitu yakni tema kesediaan pelajar, tema minat pelajar dan tema disiplin pelajar. Tema kesediaan pelajar dapat dipecahkan kepada sub tema gangguan di rumah dan sub tema perbezaan PdP bersemuka dengan PdPR. Tema minat pelajar pula dapat dipecahkan kepada sub tema sukar berkomunikasi dengan guru, sub tema sukar menerima ilmu yang disampaikan oleh guru dan subtema kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru tidak sesuai. Bagi tema disiplin, tema ini dapat dipecahkan kepada tiga sub tema, iaitu subtema bangun lewat, sub tema tangguh siapkan tugas dan sub tema siapkan tugas pada waktu malam. Jadual 2 yang memaparkan sikap pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu sepanjang PdPR yang dijalankan secara dalam talian.

JADUAL 2: Sikap pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu secara dalam talian

Sikap pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu dalam talian	Peserta Kajian		
	PK1	PK2	PK3
Kesediaan Pelajar			
i. Gangguan di rumah	/	/	/
ii. Perbezaan PdP bersemuka dengan PdP	x	x	/
Minat Pelajar			
i. Sulit berkomunikasi dengan guru	/	x	x
ii. Sulit untuk menerima ilmu yang disampaikan oleh guru	x	/	x
iii. Kaedah pengajaran yang digunakan guru tidak sesuai	/	/	/
Disiplin Pelajar:			
i. Bangun lewat	/	/	/
ii. Tangguh siapkan tugas	/	x	/
iii. Siapkan tugas pada waktu malam	x	/	x

Kesediaaan Pelajar

Berdasarkan Jadual 2, ketiga-tiga PK menunjukkan sikap yang tidak bersedia terhadap PdPR Bahasa Melayu secara dalam talian. Hasil temu bual, ketiga-tiga pelajar Bajau Ubian bersikap tidak bersedia adalah disebabkan oleh gangguan yang berlaku di rumah. Sikap mereka yang tidak bersedia ini amat membimbangkan kerana boleh menyebabkan mereka ketinggalan dalam pembelajaran subjek Bahasa Melayu. Misalnya, PK1 belum bersedia mengikuti PdPR Bahasa Melayu secara dalam talian dan lebih memilih untuk belajar secara bersemuka di sekolah. PK1 juga menghadapi banyak halangan semasa belajar secara dalam talian di rumah.

- *Kami kalau dalam Bahasa Melayu dalam online kan..., kita orang lebih suka dekat sekolah la berbanding online sebab banyak halangan atau spoiler di rumah. (PK1)*

Hasil dapatan juga menunjukkan PK2 turut tidak bersedia terhadap PdPR Bahasa Melayu secara dalam talian. PK2 juga lebih menginginkan untuk belajar secara bersemuka di sekolah kerana terdapat gangguan orang rumah semasa belajar secara dalam talian. PK2 lebih menginginkan pembelajaran secara bersemuka di sekolah kerana ilmu yang disampai oleh guru lebih jelas berbanding penyampaian ilmu secara dalam talian.

- *Saya pun terganggu jugalah kadang-kadang orang rumah bising... belum sesuaikan diri dan memilih lebih mahu belajar di sekolah berbanding di rumah sebab kalau belajar dekat sekolah lebih jelas. (PK2)*

PK3 pula turut bersikap tidak bersedia terhadap PdPR Bahasa Melayu kerana P3 merasakan PdPR secara dalam talian ini tidak sesuai kerana PdP secara dalam talian menyebabkan PK3 menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dalam pembelajaran secara dalam talian. Bagi PK3, pembelajaran secara dalam talian berbeza dengan pembelajaran bersemuka di sekolah. Bukan itu sahaja, PK3 juga turut menghadapi gangguan daripada ahli keluarga yang bising dan menyebabkan PK3 sukar untuk fokus terhadap PdPR Bahasa Melayu.

- *Saya rasa macam tidak bagus juga bang sebab tidak dapat berkomunikasi bang sebab lain ba cara pengajaran tu lain, berbeza. Lepas tu kadang-kadang orang di rumah ni pun bising juga. Tak dapat saya fokus. (PK3)*

Rumusannya, ketiga-tiga PK ini telah menunjukkan ketidaksediaan mereka terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai B2 secara dalam talian. Hal ini kerana mereka tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap PdPR Bahasa Melayu disebabkan gangguan yang berlaku di rumah.

Minat Pelajar

Berdasarkan Jadual 2, pelajar Bajau Ubian menunjukkan sikap mereka yang tidak begitu minat terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai B2. Sememangnya minat pelajar terhadap sesuatu akan menjaminkan keberhasilan mereka dalam melakukan sesuatu perkara terutama sekali minat mereka terhadap pembelajaran subjek Bahasa Melayu. Namun begitu, minat pelajar Bajau Ubian terhadap pembelajaran Bahasa Melayu amat membimbangkan. Berdasarkan hasil temu bual PK1 didapati minatnya terhadap pembelajaran subjek Bahasa Melayu telah berkurangan

disebabkan PdPR secara dalam talian telah menyukarkan komunikasi PK1 dengan guru Bahasa Melayu. Cara guru menggunakan Whatsapp juga menyebabkan PK1 tidak berminat belajar Bahasa Melayu secara dalam talian.

- *Ada sesetengah pelajar kan dia orang minat tapi... bagi saya la kan, minat saya dengan subjek Bahasa Melayu tu ia akan mengurang la sikit sebab kita orang kan lagipun tidak guna macam... nak komunikasi dengan cikgu tu susah. (PK1)*
- *Saya kurang suka sebab pakai WhatsApp, masalah line jadi banyak termasuk pelajaran. (PK1)*

PK2 dan PK3 juga menunjukkan sikap yang tidak minat terhadap PdPR Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua secara dalam talian. Misalnya, PK2 sukar untuk menyerap ilmu yang disampaikan oleh guru sewaktu pembelajaran dalam talian kerana sukar untuk memahami apa yang ingin disampaikan oleh guru semasa PdPR Bahasa Melayu yang menggunakan aplikasi WhatsApp sebagai pelantar PdPR. Begitu juga dengan PK3 yang menunjukkan sikap tidak minat terhadap PdPR Bahasa Melayu kerana guru hanya menggunakan WhatsApp sebagai pelantar PdPR. PK3 mengharapkan agar guru menggunakan aplikasi Google Meet sebagai pelantar PdPR.

- *Kalau saya, tidak. Kurang minat juga bang sebab ilmu yang disampaikan tu memang ndak berapa sampai bang sebab ndak faham apa yang dibelajar kalau guna online ni sebab guna WhatsApp. (PK2)*
- *Saya juga tidak berapa minat bang sebab mungkin tiada kelas seperti Google Meet. (PK3)*

Rumusannya, sikap pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu telah menjelaskan proses PdP Bahasa Melayu secara dalam talian. Kaedah pengajaran guru yang hanya menggunakan aplikasi Whatsapp sebagai pelantar PdPR telah menjelaskan lagi minat pelajar Bajau Ubian terhadap pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian.

Disiplin Pelajar

Jadual 2 menunjukkan disiplin pelajar Bajau Ubian yang tidak begitu memuaskan. Pelajar perlu ada disiplin diri yang baik dan perlu konsisten bagi memastikan proses pembelajaran mereka berjalan dengan baik. Berdasarkan hasil temu bual, PK1, PK2, dan PK3 sering kali ketinggalan untuk mengikuti PdPR Bahasa Melayu akibat lewat bangun. PK1, PK2 dan PK3 juga ketinggalan untuk mengikuti PdPR Bahasa Melayu bukan sahaja disebabkan lewat bangun tetapi juga disebabkan Masalah capaian Internet yang kurang memuaskan juga menyebabkan mereka lewat bangun untuk pergi sekolah.

- Kadang juga saya macam lambat bangun kadang-kadang tertinggal kelas. Kalau line sudah okay baru saya check-check balik semua gitu. (PK1)
- Saya pun macam gitu juga bang masalah dari line jugak, lambat bangun. Begitu juga bang. (PK2)
- Kalau aku bang, jarang masuk kelas jugak la macam tidak berapa minat untuk belajar dalam online ni, lagipun saya lewat bangun jadi saya banyak tertinggal la pelajaran apa semua. (PK3)

Dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru Bahasa Melayu, didapati bahawa PK1 dan PK3 suka menangguh dalam menyiapkan tugas-tugas yang diberikan oleh guru Bahasa Melayu. PK1 dan PK3 hanya akan membuat tugas yang diberikan mengikut ‘mood’ atau suasana hati mereka. Sekiranya berasa rajin, mereka akan menyiapkan tugas tersebut tetapi sekiranya mereka berasa malas, mereka akan menangguhkan untuk menyiapkan tugas-tugas yang diberikan oleh guru.

- Kalau saya banyak tertangguh lah, mahu ditangguh-tangguhkan lagi. Kadang macam datang yang rajin tu baru buat. Ikut mood juga bang. (PK1)
- Saya bang kadang-kadang buat juga bang. Kadang-kadang tidak. Ikut mood juga sebab kadang-kadang stress bah lepas tu tidur. Kalau mood baik tu buat lah. Stress sebab kehidupan bang macam kawan-kawan. (PK3)

Berbeza dengan PK1 dan PK3 yang menangguhkan kerja, PK2 lebih memilih untuk menyiapkan tugas-tugas yang diberikan oleh guru pada waktu malam.

- Kalau saya sama juga bang, saya siapkan kerja rumah pada waktu malam juga. (PK2)

Jelas menunjukkan bahawa sepanjang pelaksanaan PdPR, disiplin pelajar Bajau Ubian semasa PdPR Bahasa Melayu tidaklah begitu memuaskan. Hal ini disebabkan faktor sikap mereka sendiri dan juga disebabkan faktor masalah capaian Internet yang menjelaskan minat pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu.

Aspek yang Mempengaruhi Motivasi Pelajar Bajau Ubian terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian

Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat tiga faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu secara dalam talian. Faktor yang pertama adalah sikap guru yang kurang bersemangat dan kurang bermotivasi. Faktor yang kedua adalah faktor persekitaran pembelajaran dan faktor subjek Bahasa Melayu sebagai subjek WAJIB

LULUS. Ketiga-tiga faktor ini akan diterangkan dengan lebih terperinci melalui Jadual 3.

JADUAL 3: Faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Bajau Ubian terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian

Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pelajar Bajau Ubian terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian	Peserta Kajian		
	PK1	PK2	PK3
Sikap guru yang kurang bersemangat dan kurang bermotivasi			
i. Guru hanya menggunakan aplikasi WhatsApp sebagai pelantar PdPR	/	/	/
Persekuturan pembelajaran yang tidak kondusif	/	/	/
i. Masalah capaian internet	/	/	/
ii. Gangguan daripada keluarga dan jiran			
Subjek BM sebagai subjek wajib lulus	/	/	/

Sikap Guru yang Kurang Bersemangat dan Kurang Bermotivasi

Berdasarkan Jadual 3, hasil temu bual mendapati bahawa guru Bahasa Melayu mempunyai sikap yang kurang bersemangat dan kurang bermotivasi semasa mengendalikan PdPR Bahasa Melayu secara dalam talian. Hal ini adalah berdasarkan jawapan temu bual daripada Pk1, Pk2 dan Pk3 yang mana ketiga-tiga PK mengatakan bahawa mereka tidak begitu suka dengan PdPR Bahasa Melayu yang hanya menggunakan aplikasi WhatsApp sebagai pelantar PdPR. Sikap guru Bahasa Melayu yang seperti ini akan mempengaruhi motivasi pelajar yang mana penerimaan pelajar terhadap penggunaan WhatsApp sebagai pelantar PdPR tidak begitu disambut dengan baik oleh pelajar. Keadaan ini menunjukkan kekreatifan guru Bahasa Melayu dalam mengendalikan PdPR adalah terhad.

- Lagi pun kan kami kalau kelas online, kita orang bukan macam video call bah. Kan biasanya kalau sekolah-sekolah bandar ni dia orang guna face call kan. Jadi kita orang ni cuma guna group WhatsApp dan bagi link untuk belajar... begitulah. (PK1)
- Ndak meningkatkan motivasi bang sebab guna ws sebab saya kurang faham kalau belajar online ni. (PK2)
- Saya tidak suka cikgu guna WhatsApp sebab kurang mahu faham ba. Kalau berdepan ni (bersemuka) kan baru faham. (PK3)

Masalah Capaian Internet

Masalah capaian internet merupakan masalah yang sering dihadapi oleh pelajar dalam mengikuti PdPR. Begitu juga dengan PK1, PK2, dan PK3 yang mana

ketiga-tiga PK ini turut menghadapi masalah yang sama yakni masalah capaian Internet. Masalah capaian Internet yang dihadapi oleh PK1, PK2 dan PK3 telah mengekang mereka untuk mengikuti PdPR Bahasa Melayu secara dalam talian.

- *Misalnya saya, kan dekat kampung kami, line mcm ndak kuat la lagipun susah mhau bukak ws tu pun lambat mahu datang mesej, mahu hantar mesej pun lambat. Kadang juga saya macam lambat bangun kadang kadang tertinggal kelas. Kalau line sudah okay baru saya check check balik semua gitu. (PK1)*
- *Saya ndak berapa minat bang sebab tiada line. Mau di sekolah juga. Kiranya sekolah lebih baguslah gitu. (PK2)*
- *Kurang bersemangat bang sebab masalah line juga ni bang. Kalau line okay, jadi saya pun ada semangat la. Kalau kerajaan bagi satu GB satu hari tu bersemangat la. (PK3)*

Persekuturan Pembelajaran yang Tidak Kondusif

Dalam menjalankan PdPR di rumah, pelajar perlu bersedia dan selesa untuk menjalani sesi PdPR secara dalam. Namun demikian, dapatan temu bual menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif menyebabkan pelajar (PK) kurang bermotivasi untuk mengikuti PdPR. Misalnya, PK1, PK2 dan PK3 mengalami gangguan daripada keluarga dan jiran. Bunyi bising daripada keluarga dan jiran telah membuatkan PK1, PK2 dan PK3 kurang bersemangat untuk mengikuti PdPR.

- *Kita orang lebih suka dekat sekolah la berbanding online sebab banyak halangan atau spoiler. Maksudnya spoiler macam saya terganggu dengan keadaan di rumah. Jadi, belajar tu mcm tidak best la daripada sekolah. (PK1)*
- *Saya pun terganggu jugalah kadang-kadang orang rumah. Jiran-jiran bising, line pun, ibu bising jugak, budak-budak. (PK2)*
- *Saya bang kalua mahu belajar di rumah tu kadang-kadang terganggu juga sebab orang di rumah ni bising ba. Jiran lagi teriak-teriak. Jadi ada best la. (PK3)*

Bahasa Melayu sebagai Wajib Lulus

Walaupun sikap pelajar Bajau Ubian tidak begitu memuaskan terhadap PdPR Bahasa Melayu sebagai B2, namun PK1, PK2, dan PK3 masih bermotivasi untuk mempelajari subjek Bahasa Melayu sebagai B2 walaupun mempelajarinya secara dalam talian. Hal ini disebabkan oleh subjek Bahasa Melayu merupakan subjek yang WAJIB LULUS pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

- *Dulu saya ndak tahu apa-apa, jadi saya belajar, belajar, belajar saya dapat sesuatu yang baru lah macam bahasa macam contohnya mau buat KOMSAS, karangan, dia latih saya untuk berfikir lagi lah. Lagipun macam, dia subjek yang wajib lulus kan ha macam tulah. (PK1)*
- *Kalau saya minat bang sebab saya boleh kuasai Bahasa Melayu ni dan subjek ni kan subjek lulus dalam SPM. (PK2)*
- *Saya bang kurang berminat jugak. Tapi terpaksa kan sebab ni subjek yang wajib lulus jadi tulah. (PK3)*

PERBINCANGAN

Fakos perbincangan adalah berkaitan dengan sikap pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu sebagai B2 secara dalam talian yang merangkumi kesediaan pelajar, minat pelajar dan disiplin pelajar serta meneliti dan membincangkan dengan lebih mendalam faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu sebagai B2 secara dalam talian, iaitu sikap guru, persekitaran serta keperluan sekurang-kurangnya lulus dalam subjek Bahasa Melayu.

Sikap Pelajar Bajau Ubian terhadap Pembelajaran Melayu Secara Dalam Talian

Hasil daripada dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa pelajar Bajau Ubian menunjukkan sikap yang negatif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian. Hal ini kerana pelajar-pelajar ini mempunyai beberapa halangan serta kekangan yang membuatkan mereka sukar untuk membentuk sikap yang positif semasa belajar Bahasa Melayu secara dalam talian. Persekuturan pembelajaran di rumah misalnya banyak mempengaruhi pelajar-pelajar Bajau Ubian ini belajar. Selain datang daripada keluarga B40 dan mempunyai adik-beradik yang ramai, masalah capaian Internet turut mempengaruhi sikap pelajar Bajau Ubian untuk belajar Bahasa Melayu secara dalam talian. Dapatan ini selari dengan kenyataan Norazlina dan Anita (2021) yang menyatakan PdPR memberikan kesan negatif kepada pelajar yang datang daripada keluarga B40. Bukan sahaja pembelajaran mereka terjejas, bahkan pencapaian dan penguasaan Bahasa Melayu yang merupakan B2 kepada pelajar Bajau Ubian turut terkesan.

Oleh itu, pelajar Bajau Ubian sepatutnya mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran bahasa walaupun terpaksa belajar secara dalam talian. Sikap positif pelajar secara tidak langsung akan mewujudkan penglibatan yang maksimum oleh pelajar semasa PdPR. Menurut Muniroh et al. (2020), kesediaan dan penglibatan pelajar sangat mempengaruhi sesi PdP dalam talian. Tanpa penglibatan pelajar yang baik, sesi PdP tidak akan

mencapai objektif yang diharapkan walaupun guru telah mempelbagaikan kaedah dan bahan-bahan PdP yang terkini. Oleh hal yang demikian, sikap positif pelajar Bajau Ubian seharusnya dapat dibentuk oleh guru bagi mendapatkan hasil pembelajaran yang terbaik walaupun belajar Bahasa Melayu sebagai B2 secara dalam talian.

Kesediaan Pelajar Bajau Ubian terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian

Kesediaan boleh dirujuk sebagai keadaan individu dalam melakukan sesuatu perkara. Salah satu aspek yang mempengaruhi sikap pelajar Bajau Ubian ini ialah dari segi kesediannya berhadapan PdPR secara dalam talian ketika mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Dapatkan kajian menunjukkan tahap kesediaan pelajar Bajau Ubian kurang memuaskan kerana ada daripada pelajar Bajau Ubian menjawab masih belum menyesuaikan diri situasi pembelajaran dalam talian. Jawapan ini dilontarkan kerana terdapat banyak perbezaan pembelajaran semasa dalam talian jika dibandingkan dengan kaedah bersempua yang dilaksanakan pada sebelum-sebelum ini. Menurut Zamri et al. (2021), terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar untuk belajar secara PdPR. Antaranya ialah faktor kesediaan pelajar itu sendiri sama ada bersedia untuk mengikuti sesi PdPR dalam talian ataupun lebih suka bersempua. Menurut Siva Jothy dan Zamri (2021), kesediaan pelajar akan menjadi penentu kepada kejayaan pelaksanaan PdPR secara dalam talian.

Pelajar Bajau Ubian juga menyatakan terdapat gangguan sekeliling yang mengganggu mereka untuk sentiasa bersedia sepanjang PdPR dijalankan. Faktor persekitaran seperti saiz dan lokasi rumah adalah antara faktor yang menyumbang kepada keberkesanannya PdPR secara dalam talian. Hal ini dihadapi oleh pelajar Bajau Ubian yang kebanyakannya mereka tinggal di penempatan yang dibuat di atas air di sekitar Kota Kinabalu. Menurut Kee dan Zarien Atierah (2021), terdapat banyak faktor yang mempengaruhi keberkesanannya PdPR dalam talian, termasuk kepada mata pelajaran Bahasa Melayu, guru Bahasa Melayu dan pelajar. Antara faktor tersebut ialah keadaan rumah yang kurang kondusif untuk belajar mempengaruhi kesediaan, sikap dan motivasi pelajar untuk belajar secara dalam talian. Dapatkan ini bertentangan dengan kajian oleh Nor Sahara dan Zulkarnain (2021) yang membuktikan pelajar sekolah menengah lebih bersedia untuk mengikuti pembelajaran dalam talian. Menurut mereka, pelajar bersedia mengikuti pembelajaran dalam talian jika terdapat sokongan yang baik dari segi kelengkapan peralatan peranti dan kemudahan Internet.

Minat Pelajar Bajau Ubian terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian

Secara umumnya, minat merujuk kepada sumber motivasi seseorang bagi mendorong mereka untuk melaksanakan sesuatu apa yang mereka inginkan. Menurut Zaenol Fajri (2020), beliau menyatakan minat terhadap pembelajaran merupakan salah satu sebab dalaman psikologi yang sangat berpengaruh dan memainkan peranan penting dalam aktiviti pembelajaran dan perkembangan pembelajaran serta kejayaan pelajar. Melihat kepada minat pelajar Bajau Ubian, mereka menujukkan tahap minat yang tidak memberangsangkan sepanjang pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka ketika dalam talian. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka sukar untuk menerima ilmu yang cuba disampaikan oleh guru mereka disebabkan penggunaan medium pembelajaran yang kurang menarik dan sukar untuk berkomunikasi antara pelajar dan guru. Dapatkan ini disokong oleh Nur Farhana dan Nurul Jannah (2021) yang mendapati kesukaran dalam berkomunikasi dengan pensyarah mereka menjadi salah satu faktor negatif keberkesanannya pembelajaran dalam talian.

Di samping itu, minat pelajar Bajau Ubian ini juga terkesan disebabkan oleh kaedah yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu yang kurang sesuai dalam pembelajaran mereka. Oleh hal yang demikian, minat terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai B2 mereka tidak mencapai objektif yang sepatutnya disebabkan oleh beberapa kekangan yang mereka hadapi. Dapatkan ini bertentangan dengan kajian oleh Fenny Lau et al. (2021), yang menunjukkan minat dan motivasi murid kaum Cina dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai B2 mereka pada tahap yang memuaskan di mana mereka bersungguh-sungguh dalam mempelajari Bahasa Melayu walaupun terpaksa belajar secara dalam talian.

Disiplin Pelajar Bajau Ubian terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian

Dalam melihat kepada disiplin pelajar Bajau Ubian, mereka mempunyai sikap yang negatif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai B2 mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, kesemua pelajar mengaku yang mereka sentiasa bangun lewat untuk menghadirkan diri ke kelas secara alam maya. Responden mengatakan mereka berjaga lewat malam dengan membuat perkara-perkara yang kurang berfaedah. Ada antara mereka turut mempunyai sikap suka menangguh-nangguhkan kerja yang diberikan oleh guru. Hal ini dikatakan demikian kerana, sesetengah daripada mereka hanya menyiapkan kerja rumah serta latihan berdasarkan mood ataupun gerak hati mereka sendiri untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat juga pelajar yang mempunyai

disiplin dalam menyiapkan tugas yang telah diberikan oleh guru. Pelajar bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas pada waktu tengah malam. Hal ini dikatakan demikian kerana, tiada gangguan persekitaran di samping tidak mempunyai ruang belajar yang kondusif untuk membuat segala tugas pada waktu siang hari. Menurut Nik Asmida dan Zamri (2021), masalah disiplin pelajar ketika belajar secara dalam adalah antara cabaran yang dihadapi oleh para guru dalam melaksanakan PdP secara dalam talian.

Secara keseluruhan, tahap disiplin pelajar Bajau Ubian masih kurang dengan menunjukkan sikap-sikap yang tidak berdisiplin dalam menjadi seorang pelajar. Hal ini menjadi suatu cabaran buat para guru Bahasa Melayu khususnya supaya membentuk sikap positif, di samping menerapkan nilai murni dan etika dalam kalangan pelajar mereka khususnya ketika pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian. Menurut Tamilmullai dan Salini (2021) menyatakan pemantauan disiplin dan tumpuan pelajar merupakan salah satu cabaran guru dalam melaksanakan PdP secara dalam talian. Hal ini kerana, pelajar yang lemah dan tanpa pemantauan yang berterusan oleh guru akan menyebabkan mereka ketinggalan dalam pembelajaran berbanding pelajar yang pandai akan sentiasa mendapat keputusan yang baik.

Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pelajar Bajau Ubian terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua Secara Dalam Talian

Berdasarkan pemerhatian daripada sikap pelajar Bajau Ubian dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai B2, faktor sikap guru, persekitaran pembelajaran dan subjek Bahasa Melayu sebagai subjek WAJIB LULUS yang mendorong sikap negatif sepanjang PdPR Bahasa Melayu dijalankan. Faktor-faktor yang telah dinyatakan ini merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembentukan sikap pelajar Bajau Ubian ini.

Sikap Guru yang Kurang Bersemangat dan Kurang Bermotivasi

Salah satu faktor pelajar Bajau Ubian kurang bermotivasi adalah disebabkan oleh sikap guru Bahasa Melayu yang kurang bersemangat dan kurang bermotivasi. Hal ini kerana, guru semasa sesi pembelajaran dalam talian hanya mengaplikasikan penggunaan medium *WhatsApp*. Pelajar tidak menggemari kaedah yang digunakan oleh guru tersebut sebagai saluran pembelajaran mereka. Dapatani ini disokong oleh Kajian Shahfiezul dan Fariza (2016) yang mana telah membuktikan medium pembelajaran maya ini kurang mendapat sambutan dalam kalangan guru kerana guru kurang pengetahuan dan kemahiran mengendalikan PdPR berdasarkan teknologi. Guru sewajarnya mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi

menarik minat pelajar dan seterusnya menjadikan PdPR lebih menarik dan berkualiti. Menurut Nur Hazirah dan Masayu (2020), kaedah pengajaran guru hendaklah bergerak seiring dengan perkembangan teknologi pendidikan terkini bagi menarik pelajar menghayati proses PdP yang mana secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dengan memberi sedikit penekanan kepada pengajaran yang berpusatkan pelajar.

Namun demikian, dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Fenny Lau et al. (2021) yang mana guru Bahasa Melayu telah mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi menarik minat pelajar, iaitu antaranya ialah kaedah projek, kaedah penyelesaian masalah, kaedah perbincangan dan kaedah latih tubi. Kajian Fenny Lau berkaitan kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu yang mengajar murid-murid kaum Cina. Dapatkan kajian ini turut bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Rohiman et al. (2021) yang mendapati PdP guru kepada beberapa kaedah pengajaran, iaitu antaranya kaedah pengajaran berdasarkan projek dan pengajaran berdasarkan masalah bagi mendukung pembelajaran abad ke-21.

Persekutaran Pembelajaran yang Tidak Kondusif

Faktor yang mempengaruhi sikap negatif pelajar Bajau Ubian seterusnya ialah persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif. Berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh, faktor masalah internet dan gangguan persekitaran seperti keluarga dan jiran merupakan faktor utama yang mempengaruhi faktor motivasi pelajar Bajau Ubian ini. Masalah capaian Internet sangat ketara kerana kawasan kajian merupakan kawasan pendalaman yang kurang pendedahan berkaitan dengan teknologi. Persekutaran yang kurang kondusif dari segi gangguan keluarga seperti mempunyai keluarga yang ramai, anak kecil yang perlu dijaga dan sebagainya juga turut menyumbang kepada faktor tahap motivasi seseorang pelajar. Menurut Zamri et al. (2021), menyatakan capaian rangkaian Internet sering menjadi isu dalam pembelajaran dalam talian. Mohd Fairuz et. al. (2020) turut menyatakan bahawa pelajar mengalami masalah dari segi akses Internet menyebabkan antara punca ramai pelajar yang ketinggalan. Bani Hidayat (2020) menyatakan bahawa pembelajaran secara dalam talian hanya berkesan sekiranya capaian Internet dapat dinikmati secara meluas di setiap kawasan sama ada di bandar, luar bandar atau kawasan pedalaman.

Oleh hal yang demikian, masalah capaian Internet dan faktor persekitaran antara isu yang paling ketara dilihat semasa PdPR dilaksanakan. Hasil kajian ini selaras oleh kajian Azlan Shaiful (2020) yang menunjukkan pelajar menghadapi pelbagai masalah ketika melalui proses pembelajaran dalam talian terutamanya masalah talian Internet dan gangguan persekitaran, termasuk suasana pembelajaran yang tidak

menyokong dan tanggungjawab di rumah. Menurut Zamri et al. (2021), persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif boleh menjadikan aktiviti PdP dalam talian menjadi kurang menarik dan tidak menyeronokkan. Oleh itu, guru Bahasa Melayu perlu kreatif ketika mengajar Bahasa Melayu dalam talian, terutamanya ketika mengajar pelajar yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai B2 seperti yang dialami oleh pelajar etnik Bajau Ubian ini.

Subjek Bahasa Melayu sebagai Subjek Wajib Lulus

Antara faktor pendorong pelajar Bajau Ubian meningkatkan motivasi untuk terus mempelajari Bahasa Melayu sebagai B2 mereka secara dalam talian ialah keperluan subjek untuk lulus pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Perkara ini dapat dilihat pelajar yang kurang meminati turut berusaha sedaya upaya sekurang-kurangnya sehingga mencapai tahap LULUS sahaja. Hal ini selaras dengan kajian oleh Khairul Nizam dan Wan Muna Ruzanna (2017) yang membuktikan pelajar kaum Bajau menyokong seratus peratus bahawa Bahasa Melayu merupakan subjek yang wajib yang mampu meningkatkan motivasi a ketika mempelajari Bahasa Melayu walaupun belajar secara dalam talian.

IMPLIKASI KAJIAN

Kesimpulannya, hasil dapatan pelajar Bajau Ubian dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai B2 mereka menunjukkan sikap yang negatif sepanjang pembelajaran dalam talian. Sikap pelajar yang telah diteliti merangkumi tiga aspek, iaitu kesediaan pelajar, minat pelajar dan disiplin pelajar. Antara sebab sikap pelajar sukar dibentuk adalah kaedah yang diaplikasikan oleh guru ketika pengajaran secara dalam talian. Oleh hal yang demikian, ini menjadi peranan guru supaya menjadikan sesi pembelajaran yang lebih kreatif dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat pelajar supaya penerimaan pelajar akan lebih mudah dan lebih memahami isi kandungan yang ingin disampaikan oleh guru. Guru yang kreatif dalam melaksanakan PdP secara dalam talian terhadap pelajar amat diperlukan bagi memastikan penyampaian ilmu dapat dilaksanakan sewajarnya walaupun berhadapan dengan situasi ini. Salah satu kaedah bagi membentuk sikap positif pelajar adalah dengan mengaplikasikan kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia sedikit sebanyak mampu untuk merangsang sikap ingin tahu pelajar serta secara tidak langsung pelajar akan meneroka pembelajaran secara norma baharu yang dilaksanakan dalam talian.

Isu dari segi pencapaian Internet pelajar Bajau Ubian turut menjadi cabaran buat guru ketika PdP secara dalam talian. Hal ini dikatakan demikian kerana,

pelajar-pelajar Bajau Ubian ini menetap di kawasan/penempatan yang dibina di atas air laut di Kota Kinabalu yang menyukarkan mereka untuk mendapat capaian Internet yang baik. Hal ini menyebabkan pembelajaran secara dalam talian khususnya dari segi penglibatan pelajar tidak mencapai tahap yang memuaskan. Oleh itu, antara inisiatif guru adalah dengan menyediakan modul serta buku latihan kepada pelajar ini. Guru seharusnya lebih bijak dan bersedia dalam berdepan dengan pengajaran secara alam maya. Antara langkah yang boleh diambil oleh guru adalah dengan membuat persediaan awal dalam mencetak modul dan buku latihan untuk diberikan kepada pelajar sebelum sesi pengajaran dalam talian dilaksanakan.

Guru juga boleh bekerjasama dengan ibu bapa supaya mengambil buku dan latihan tersebut di sekolah semasa sesi pembelajaran dalam talian dijalankan. Dalam pada itu, usaha pihak-pihak lain juga sewajarnya dilakukan bagi menjayakan proses PdPR khususnya bagi pelajar Bajau Ubian. Pihak lain seperti sekolah, PIBG, serta ibu bapa serta kerajaan perlu memainkan peranan yang penting dalam memberikan sumbangan dari segi wang atau kemudahan peranti dan sebagainya kepada golongan pelajar yang memerlukan khususnya mereka yang berlatarbelakangkan golongan B40. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan penglibatan pelajar, di samping mengurangkan keciran untuk sentiasa mengikuti kelas secara dalam talian terutamanya mereka yang tidak berkemampuan.

Seterusnya, guru perlu matang dan proaktif dalam memudahkan pembelajaran pelajar khususnya dari segi penggunaan medium yang lebih senang dan mesra pengguna. Hal ini mampu mewujudkan komunikasi dua hala antara guru dan pelajar dalam pembelajaran waktu pandemik ini. Penggunaan medium yang sesuai akan menjadikan suasana pembelajaran lebih mudah dan pelajar turut mengikuti kemampuan dan kemahiran mereka dalam penggunaan medium tersebut. Guru juga turut mudah untuk membuat pentaksiran ketika berada di rumah dengan memberikan latihan dan menyemak jawapan pelajar. Hal ini secara tidak langsung membolehkan guru mengetahui tahap kefahaman pelajar dan seterusnya mengambil inisiatif supaya terus dididik dan diberikan dorongan agar tidak berlaku keciran antara pelajar tersebut.

Secara keseluruhannya, sikap pelajar Bajau Ubian dalam mempelajari Bahasa Melayu ketika dalam talian agak tidak memberangsangkan. Hal ini didorong oleh beberapa faktor seperti sikap pelajar itu sendiri yang tidak berdisiplin dan pengaplikasian kaedah yang digunakan oleh guru secara dalam talian. Dalam menangani sikap pelajar, guru perlu meneroka kaedah pengajaran yang sesuai dan terbaik dalam mencapai objektif pembelajaran. Oleh hal yang demikian, guru Bahasa Melayu sewajarnya memantapkan pengetahuan dan persediaan dari segi teknologi supaya pembelajaran dalam talian dijalankan dengan lebih teratur dan

berkesan. Dalam pada itu, kerjasama antara guru Bahasa Melayu dan pihak lain khususnya ibu bapa turut digalakkan supaya pelajar sentiasa bermotivasi dan terus bersemangat untuk mempelajari Bahasa Melayu sebagai B2 mereka dengan baik.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil analisis data secara mendalam untuk mengkaji sikap dan faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Bajau Ubian terhadap PdPR Bahasa Melayu semasa belajar secara dalam talian. Pelajar-pelajar kaum Bajau Ubian menunjukkan sikap yang negatif terhadap PdP Bahasa Melayu secara dalam talian. Sikap negatif yang ditunjukkan oleh pelajar Bajau Ubian adalah berdasarkan kesediaan mereka terhadap pembelajaran Bahasa Melayu, minat mereka terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dan juga disiplin mereka semasa melibatkan diri dalam PdP Bahasa Melayu. Tiga faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Bajau Ubian terhadap PdP Bahasa Melayu yakni faktor sikap guru yang kurang bersemangat dan kurang bermotivasi, faktor persekitaran pembelajaran yang kurang kondusif dan faktor Bahasa Melayu sebagai subjek wajib juga antara faktor yang menyumbang kepada ketidakberkesanan PdP Bahasa Melayu dalam talian kepada pelajar-pelajar kaum Bajau Ubian ini.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Ishak & Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat. (2020). Pembelajaran dalam talian: Tinjauan terhadap kesediaan dan motivasi dalam kalangan pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2 (4), 68-82.
- Abdul Hakim Abdullah, Ab Aziz Sulaiman & Wan Ismail Wan Abdullah. (2015). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 10 (1), 82-97.
- Ahmad Faris Mazlan, Maslawati Mohamad, Aishath Reesha, Rosnani Kassim, Zarina Othman & Saadiah Kummin. (2021). Challenges and Strategies to Enhance Online Remote Teaching and Learning by Tertiary Institution Educators: A Literature Review. *Creative Education*, 12 (4), 718-726.
- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11 (1), 75-87.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (2), 77-88.
- Aizan Sofia Amin, Hasanatulakhma Mat Ayu & Jamiah Manap. (2020). Perkhidmatan sokongan bagi keluarga yang mempunyai anak masalah pembelajaran di luar bandar. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34 (3), 28-41.
- Azlan Shaiful Baharum. (2020). Transformasi pengajaran dan pembelajaran multimedia dalam pendidikan Islam: Satu perbincangan. *Journal of ICT in Education*, 7 (2), 14-26.
- Azmil Abidah, Hasan Nuurul Hidaayatullaah, Roy Martin Simamora, Daliana Fehabutar & Lely Mutakinati. (2020). The Impact of COVID-19 to Indonesian education and its relation to the philosophy of “Merdeka Belajar”. *Studies in Philosophy of Science and Education*, 1 (1), 38-49.
- Bani Hidayat Mohd Shafie. (2020). Pelaksanaan PdP dalam talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 dan 2 COVID-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2 (2), 213-221
- Chew Fong Peng & Zahwah Jamaludin. (2022). Kesediaan, motivasi dan kepuasan pelajar tingkatan 1 dalam pembelajaran KOMSAS secara dalam talian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12 (1), 29-39.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Asas Statistik Penyelidikan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education Sdn.Bhd.
- Cresswell, J.W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 2nd Edition. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Fenny Lau Yeo Feng, Kee Guek Fen, Khoo Phau Liang & Lee Huoy Shin. (2021). Kaedah pengajaran dalam talian guru Bahasa Melayu dan motivasi murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11 (1), 57-74.
- Ida Faridah, Fbi Ratna Sari, Tri Wahyuningsih, Fitra Putra Oganda & Untung Rahardja. (2020). Effect digital learning on student motivation during COVID-19. The 8th International Conference on Cyber and it Service Management (CITSM 2020) on Virtual, October 23-24. <https://ieeexplore.ieee.org/document/9268843> (8 Julai 2022)
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran & Intan Nur Syuhada Hamzah. (2021). Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 16-28.
- Ismail Ali. (2011). Komuniti Orang Tanpa Negara (*Stateless People*) di Sabah: Kajian kes komuniti Bajau Laut di Pulau Mabul, Semporna. *Malaysia dari segi Sejarah*, 39, 69-81.

- Jerie Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban Dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1), 13-25.
- Kaviza, M. 2020. Kesediaan murid terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5 (4), 108-115.
- Kee Guek Fen & Zarien Atierah Zamri. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah ketika pandemic COVID-19. Dlm. Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman & Zarien Atierah Zamri. (Pnyt.). *Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah: Isu dan Cabaran Pendidikan dalam Norma Baharu*, hlm. 54-76. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kee Guek Fen & Zarien Atierah Zamri. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah ketika pandemic COVID-19. Dlm. Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman & Zarien Atierah Zamri. (Pnyt.). *Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah: Isu dan Cabaran Pendidikan dalam Norma Baharu*, hlm. 54-76. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Sekolah.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Sikap dan motivasi murid Bajau dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1), 24-33.
- Lekhraj Rampal & Liew Boon Seng. (2020). Coronavirus Disease (COVID-19) pandemic. *Medical Journal of Malaysia*, 75 (2), .95-97.
- Losius Goliong, Mohd Khairuddin Abdullah & Rosy Talin. (2016). Kompetens peribadi, pedagogi, profesionalisme guru sekolah berprestasi rendah bahagian barat dan utara Sabah. *Jurnal Pendidikan Nusantara*, 6 (1), 182-200.
- Mahathir Yahaya & Wardatul Hayat Adnan. (2021). Cabaran pelajar melalui kaedah pembelajaran dalam talian: Kajian Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare*, 14, 11-20.
- Mohd Fairuz Jaafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz & Mohd Yaakob. (2020). Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19. *Prosiding Seminar Darulaman*, hlm. 404-410. [https://www.researchgate.net/publication/345893409_Kesediaan_Pembelajaran_Dalam_Talian_Semasa_Pandemik_COVID_19_\(8_Julai_2022\)](https://www.researchgate.net/publication/345893409_Kesediaan_Pembelajaran_Dalam_Talian_Semasa_Pandemik_COVID_19_(8_Julai_2022))
- Mohd Faeiz Pauzi, Siti Norazlina Juhari, Salman Amiruddin & Nurulhuda Mat Hassan. (2020). COVID-19: Pengajaran dan pembelajaran sewaktu krisis pandemik. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, 3, 96-105.
- Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub & Azlinda Boheran Nudin. (2021). Pelaksanaan pengajaran guru cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ketika pandemik COVID-19: Satu kajian kes. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12 (Special Issues), 21-32.
- Mohd Uzir Zubir, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'Ri. (2018). Motivasi dan sikap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu murid tingkatan satu Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, 3, 82-91.
- Muhamad Hafis Nawawi. (2020). Belajar dalam talian kurang berkesan. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/595525/belajar-dalam-talian-kurang-berkesan-berbanding-bersemuka-metrotv> (19 Mac 2022).
- Muhammad Izzat Mailis, Zuriani Hanim Zaini & Nur Hafizaliyana Hassan. (2020). Persepsi pelajar Kolej Universiti Islam Melaka terhadap pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian dalam era pandemik COVID-19. *Jurnal Kesidang*, 5, 88-99.
- Muhammad Izzat Mailis. (2020). Pandangan dan cabaran guru terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah dalam tempoh pandemik COVID-19. *Jurnal ILMI*, 11 (1), 14-25.
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan & Ch'Ng Pei Eng. (2020). *Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran Secara Maya dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik COVID-19*. Shah Alam: SIG e-Learning@CS
- Nancy Ngumbang & Zamri Mahamod. (2017). Sikap, minat dan motivasi murid Melanau dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 47-58.
- Nik Asmida Long Ahmad & Zamri Mahamod. (2021). Maslaah disiplin murid semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah. Dlm. Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman & Zarien Atierah Zamri. (Pnyt.). *Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah: Isu dan Cabaran Pendidikan dalam Norma Baharu*, hlm. 148-156. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Petaling Jaya: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Nor Amalina Ab Hakim & Zanaton Iksan. (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah dalam mata pelajaran Sains. *Prosiding Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan*, hlm. 72-82. <http://conference.kuis.edu.my/ispen/wp-content/uploads/2018/08/8-NOR-AMALINA-BT-AB-HAKIM.pdf> (8 Julai 2022)

- Nor Musfirah Mohamad. (2021). Cabaran pedagogi norma baharu di Kolej Universiti Islam Perlis ketika pandemik wabak koronavirus COVID-19. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 243-254.
- Nor Sahara Mesman & Zulkarnain Abd. Majid. (2021). Kajian kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran dalam talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan membendung COVID-19 Fasa 2. *International Journal of Education and Pedagogy*, 3 (1), 195-202.
- Norapiah Abd Rahman & Nor Syahilia Aris. (2021). Minat, motivasi dan penerimaan pelajar-pelajar politeknik terhadap pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian yang dilaksanakan sepanjang pandemik COVID-19. *Journal on Technical and Vocational Education*, 6 (3), 61-71.
- Norazlina Mohd Nor & Anita Abdul Rahman. (2021). Kesan pengajaran dan pembelajaran di rumah kepada murid Bottom 40. Dlm. Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman & Zarien Atierah Zamri. (Pnyt.). *Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah: Isu dan Cabaran Pendidikan dalam Norma Baharu*, hlm. 107-134. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Farhana Abdul Rahman & Nurul Jannah Rosli. (2021). Cabaran dan impak pembelajaran dalam talian kepada mahasiswa Pengajian Islam UKM semasa pandemik COVID-19. *Proceeding Antasari International Conference*, 2 (1), 481-497. <file:///C:/Users/User/Downloads/5923-16479-1-SM.pdf> (8 Julai 2022)
- Nur Hanisah Ahmad Saifudin & Mohd Isa Hamzah. (2021). Cabaran pengajaran dan pembelajaran di rumah dalam talian dengan murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (3), 250-264.
- Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin. (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 18-28.
- Rodalyn O. Lapada & Elmar S. Lapada. (2020). Students' Experiences, reactions and opinions on bullying at Esperanza National High School, Esperanza, Sultan Kudarat, Region XII, Philippines. *Randwick International of Education and Linguistics Science Journal*, 2 (2), 170-181.
- Roystein Denis, Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (2021). Ibu bapa sebagai guru kedua dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran di rumah. Dlm. Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman & Zarien Atierah Zamri. (Pnyt.). *Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah: Isu dan Cabaran Pendidikan dalam Norma Baharu*, hlm. 259-267. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall (M) Sdn. Bhd.
- Saidatul Nornis Mahali. (2018). Cerakinan bahasa Ubian Mantanani: Satu ringkasan awal. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6 (2), 83-98.
- Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid. (2016). Pengintegrasan blended learning dalam pembelajaran persekitaran maya Frog. Dlm. Nabilah Othman, Chiang Wei Luan dan Nurul Syaida Md Zuki (Eds.). *Pendidikan Abad ke-21: Peranan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Cabarannya*, hlm. 52-71. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shanika Abdullatif. (2020). Pembelajaran maya: Sejauh mana kita bersedia? *Bernama*. https://bernama.com/bm/rencana/news.php?id=188_1628 (24 April 2022).
- Sipalan, J. (2020). Malaysia confirms first cases of coronavirus infection. *Reuters*. <https://fr.reuters.com/article/us-china-health-malaysiaidCAKBN1Z0065> (18 Mac 2022).
- Siti Nurbaitura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan *Home Based Learning* semasa tempoh pandemik COVID-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11 (Special Issues), 46-57.
- Siva Jothy Gunaseharan & Zamri Mahamod. (2021). Kesediaan murid, pihak sekolah dan ibu bapa dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran di rumah. Dlm. Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman & Zarien Atierah Zamri. (Pnyt.). *Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah: Isu dan Cabaran Pendidikan dalam Norma Baharu*, hlm. 167-177. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suzlina Hilwani Baharuddin & Jamaludin Badusah. (2015). Tahap penggunaan Web 2.0 dalam pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2), 38-48.
- Tamilpullai Thannimalai & Salini Baloh. (2021). Cabaran PdPR bahasa Tamil di sekolah luar bandar. *MUALLIM: Journal of Social Sciences and Humanities*, 5 (2), 183-190.
- Tashny Sukumaran. (2020). Coronavirus: Malaysia in partial lockdown from March 18 to limit outbreak. *South China Morning Post*. <https://www.scmp.com/weekasia/healthenvironment/article/3075456/coronavirus-malaysias-prime-minister> (24 April 2022).
- Ugartini Magesvaran. (2021). tahap pengetahuan dan kekangan yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu ketika menggunakan aplikasi *Google Meet* dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11 (2), 39-53.

Zaenol Fajri. (2020). Pengembangan LKS tematik berbasis *Contextual Teaching and Learning* sub tema Anggota Keluargaku untuk siswa kelas 1 sekolah dasar. *Jurnal Ilmu Pendidikan Dasar*, 4 (1), 15-21.

Zaimie Sahibil. (2016). Ritual adat korban dalam adat masyarakat Ubian. *Jurnal Gendang Alam*, 6, 1-10.

Zakaria Saad, Baskaran Subramaniam, Malar Muthiah, Abdul Malek Yaakub, Chin Soo Fong & Othayakumaran Kandasamy. (2020). Kesediaan penggunaan *Google Meet* sebagai platform pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi siswa guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim. *Proceedings of International Conference on the Future of Education*, 17-18 November 2020.

http://ipgktb.edu.my/iconfed2020/e_proceedings/b_m/tema_a/FP043.pdf (13 Mei 2022)

Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagai Pelajar dan Perbezaan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zamri Mahamod. (2019). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Keempat. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahmad. (2020). COVID-19: Impak dalam pengajaran dan pembelajaran. Dlm. Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman (pnyt.). *Sistem Pendidikan di Malaysia: Sejarah dan Cabaran Abad ke-21*, hlm. 449-486. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman & Zarien Atierah Zamri. (2021). *Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah: Isu dan Cabaran Pendidikan dalam Norma Baharu*. (Pnyt.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.